

18 NOV 1996

PAS-Campuran

KU LI TIDAK YAKIN KERAJAAN CAMPURAN PAS-UMNO JADI KENYATAAN

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Bekas presiden parti Melayu Semangat 46 Tengku Razaleigh Hamzah tidak yakin usaha pembentukan kerajaan Pas-Umno di Kelantan akan menjadi kenyataan.

Ini kerana PAS tidak boleh bekerjasama dengan sesiapa dan ia terbukti apabila parti itu tidak boleh bekerjasama dengan Barisan Nasional semasa ia dalam kerajaan pada tahun 1970an dan dengan bekas parti S46 selama enam tahun, katanya.

"Saya tidak fikir Pas boleh melakukannya sama ada dalam jangka pendek atau panjang. Saya sudah mengalaminya, itupun kita beri sepenuh kebebasan tetapi ia tidak menghormati rakan ataupun mahu berunding," katanya semasa ditemui di Bangunan Parlimen untuk mengulas cadangan PAS membentuk kerajaan campuran di Kelantan dengan Umno.

"Kalau ada kerjasama dengan Umno, PAS dapat meminda perlembagaan dan menyelesaikan masalahnya dengan Sultan Kelantan dalam jangka pendek. Tetapi selepas itu kita tidak tahu apa akan berlaku pada kerajaan campuran berkenaan memandangkan Pas mempunyai majoriti," katanya.

Anggota Parlimen Gua Musang itu berkata PAS mungkin akan berpura-pura menerima cadangan Presiden Umno untuk tidak memaksa Umno menerima semua kehendak PAS dalam usaha pembentukan kerajaan campuran berkenaan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad seembaliannya daripada lawatan luar negara semalam berkata PAS dan Umno boleh membentuk kerajaan campuran di Kelantan dengan syarat PAS tidak boleh memaksa Umno menerima semua kehendaknya.

Semasa ditanya patutkah Umno menerima pelawaan PAS itu jika ia menyatakan kesanggupannya menerima semua syarat Umno, Tengku Razaleigh berkata: "PAS tidak begitu mudah memerangkap pemimpin Umno yang bijak mengukur cadangan PAS itu."

Tengku Razaleigh yang menyertai semula Umno bulan lepas, berkata idea (kerajaan campuran) itu timbul kerana PAS sudah lemah setelah ia tiada lagi rakan dalam kerajaan Kelantan disebabkan S46 menyertai Umno.

Bagaimanapun beliau berharap PAS akan menyambut baik cadangan Dr Mahathir dan mengemukakan cadangan penubuhan kerajaan campuran itu dengan ikhlas.

Timbalan Presiden PAS Haji Abdul Hadi Awang ketika ditemui berkata PAS pusat menyerahkan kepada Pas Kelantan untuk mencari jalan penyelesaian dan menunggu laporan terperinci dari Kelantan berhubung cadangan kerajaan campuran itu.

"Pas boleh bekerjasama dengan sesiapa asalkan ia tidak menjejaskan perjuangan dan prinsip parti," kata anggota Parlimen Marang itu. -- BERNAMA

ARA RON